

08 JUL 2001

Mahathir-Langkawi

PEMBANGUNAN LANGKAWI PENTINGKAN ALAM SEKITAR

LANGKAWI, 8 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berpuas hati dengan projek pembangunan di Langkawi yang kebanyakannya mengambil berat mengenai pemuliharaan alam sekitar.

"Kalau diperhatikan pembangunan di Langkawi, mereka (pemaju) prihatin dengan alam sekitar yang menjadi daya tarikan utama kepada pelancong," kata Perdana Menteri kepada pemberita di akhir lawatan seharinya bagi meninjau projek pembangunan di sini.

Dr Mahathir berkata sebuah hotel bertaraf lima bintang di Teluk Burau akan melaksanakan projek tambahan 100 bilik lagi tanpa menebang sebatang pokokpun.

Hotel berkenaan juga sedang melaksanakan projek pembinaan "Spa in the Forest", satu tarikan pelancongan yang unik yang tidak ada di tempat lain.

Dr Mahathir berkata Langkawi mempunyai pelbagai tarikan semula jadi yang tidak terdapat di tempat lain seperti Gua Tembus, satu terowong semula jadi di kaki sebuah bukit di Sungai Kilim yang boleh dilalui semasa air surut.

Terowong itu boleh membawa seseorang pelancong terus ke Tanjung Rhu.

Semasa memudiki Sungai Kilim, Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak, turut meninjau tempat pelancong bertumpu untuk melihat burung-burung helang datang menyambar makanan yang dibuang ke Sungai Kilim.

"Langkawi mempunyai pelbagai tempat tarikan tetapi ada yang mengadu di sini, sebelah malam, tak boleh buat apa," katanya.

Perdana Menteri juga berkata beliau dukacita dengan pengusaha sebuah pusat membina dan membaik pulih kapal layar di Tanjung Lembung yang belum melaksanakan kerja pembinaan projek itu.

Projek usaha sama antara Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di kawasan seluas 4.8 hektar itu dicadang menyediakan kemudahan moden untuk membina, membaik pulih dan menyanggara kapal layar.

"Saya amat sedih kerana tak ada satu kerjapun dibuat semasa melawat tempat itu tadi, sedangkan semasa saya merasmikannya April lepas, mereka nampak kelam kabut untuk majlis pembukaan," katanya.

Dr Mahathir, yang meluangkan masa lima jam melawat projek pembangunan di sini, turut meninjau projek perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter dan stesen pangkalan di kompleks membeli belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau.

Projek berharga RM46 juta itu dijalankan secara usaha sama oleh Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan dan dijangka siap pada Mac tahun depan.

Dr Mahathir juga melawat Litar Lumba Kart Antarabangsa Morac di Pantai Cenang bagi meninjau kerja memperluaskan litar lumba itu dari 990 meter kepada 1,230 meter.

Sebuah tempat duduk berbumbung yang boleh menampung 600 orang akan juga dibina di bawah projek pembesaran itu yang dijangka siap menjelang kejohanan Go-Kart Rotax Akhir Dunia pada Disember.

Dr Mahathir dan isteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

-- BERNAMA

NH MAI